

**Pas Naif Untuk Percaya DAP Setuju Laksana Hudud - Najib  
Bernama  
24 April, 2013**

KENINGAU, 24 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan PAS sebagai naif untuk mempercayai bahawa DAP akan menerima dan bersetuju melaksanakan hukum Hudud, hanya kerana kesediaan parti itu menggunakan simbol bulan dalam Pilihan Raya Umum ke-13 ini.

Beliau berkata PAS yang memperjuang hukum Hudud, tidak seharusnya meletakkan harapan terhadap pakatan itu untuk melaksanakan hukum itu kerana ia tidak terkandung dalam manifesto pakatan pembangkang.

"Hukum Hudud PAS bukan boleh diterima semua pihak. Kita tidak kata menentang tetapi masanya tidak sesuai dalam keadaan tertentu untuk dilaksanakan dan masih banyak persoalan yang masih perlu ditangani. Tetapi bila pilihan raya, bangkit lagi soal hudud yang hanya bersifat gimik semasa pilihan raya," katanya kepada pemberita di sini, Rabu.

Beliau berada di sini bagi menghadiri majlis bersama rakyat yang merupakan antara program lawatan dua harinya ke Sabah bermula semalam.

Najib yang juga Pengerusi BN berkata perkara itu bukan soal logo semata-mata sebaliknya adalah soal pendirian dan ideologi PAS, yang dilihat tidak pernah diterima dan diakui DAP.

Sehubungan itu, katanya, DAP perlu memberi respons dan menjelaskan pendirian mereka dalam soal pelaksanaan hukum Hudud agar tidak mengelirukan rakyat.

Mengulas mengenai kenyataan Menteri Besar Selangor Tan Sri Khalid Ibrahim yang mengakui masih banyak masalah belum diselesaikan di negeri itu, Najib berkata tempoh lima tahun merupakan masa yang panjang untuk seorang pemimpin mentadbir dan menyelesaikan masalah rakyat di negeri itu.

"Lima tahun tempoh yang panjang kerana kalau kita merancang, tahun pertama kita rancang, tahun kedua melaksanakannya dan tahun ketiga dan keempat kita sudah boleh melihat keberhasilannya," katanya.

Najib yang juga Pengerusi BN Selangor berkata kerajaan BN berjaya melaksanakan agenda transformasi nasional dengan memperlihatkan keberhasilannya dalam tempoh empat tahun.

"Sebab itu, kita tidak takut untuk membentangkan report card (kad laporan) kerajaan untuk rakyat mengadili BN.

"Selepas lima tahun, Khalid sepatutnya membentangkan report card daripada minta (mandat) lima tahun lagi, " katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944771>